

# Perbadanan Labuan hargai sumbangan media buat hebahan COVID-19

Oleh Henry Bating

**LABUAN:** Menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri, Perbadanan Labuan meraikan 35 pengamal media pelbagai agensi awam dan swasta dalam jamuan moreh dan penyampaian bakul kuih raya berserta wang tunai.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan Dr Fary Akmal Osman berkata, pihaknya amat menghargai komitmen media meng-

hebahkan pelbagai aktiviti Jawatankuasa Pengurusan Bencana COVID-19.

"Kita amat menghargai sumbangan media sebagai rakan kerja dalam mengendalikankan tugas membuat liputan sepanjang COVID-19," katanya yang juga pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana COVID-19 WP Labuan.

Labuan sejak 17 April lalu telah dusyitihar sebagai Zon Hijau dengan catatan sifar

kes COVID-19.


Kalangan pengamal media yang diraikan mewakili pelbagai agensi awam dan swasta seperti Bernama, Jabatan Penerangan, RTM, Daily Express, New Sabah Times, Utusan Borneo, See Hua Daily News dan Asia Times.

Dr Fary berharap kerjasama yang baik serta liputan yang telus dapat diteruskan agar segala maklumat khususnya dapat disampaikan ke-

pada seluruh warga Wilayah Persekutuan Labuan.

Pada majlis itu, Utusan Borneo diwakili penulis manakala See Hua Daily News diwakili wartawan kanannya di Labuan iaitu Teo Hock Soon dan wartawan Lo Pei Ling.


Hadir sama Presiden Persatuan Penggiat Media Labuan Jainudin Djimin dan Ketua Biro Bernama Labuan Jailani Hassan.



**WARTAWAN:** See Hua Daily News Lo Pei Ling.



**SUMBANGAN:** Teo Hock Soon wartawan kanan See Hua Daily News Labuan.



**PENGHARGAAN:** Dr Fary menyampaikan hamper dan wang tunai kepada penulis.